



HealthHub:
Urus kesihatan diri anda dan mereka yang tersayang, semua di satu tempat

- Daftar di SG Yang Lebih Sihat dan pilih klinik pilihan anda
- Akses Pelan Kesihatan peribadi anda
- Jejak matlamat kesihatan anda




Healthy 365:
Daftar untuk Program Gaya Hidup Sihat

- Daftarkan diri untuk sertai program dan aktiviti gaya hidup sihat berhampiran anda
- Jejak aktiviti fizikal dan diet anda
- Raih Healthpoints dengan kekal aktif
- Tebus Healthpoints untuk peroleh pelbagai ganjaran gaya hidup



Talian Bantuan
☎ 6325 9220
🌐 www.moh.gov.sg/feedback

Soalan Lazim:
<https://www.healthiersg.gov.sg/faqs/>



Kluster dan Rakan Kongsi Masyarakat


Sebuah Masyarakat Prihatin

SG Yang Lebih Sihat menghimpunkan rangkaian klinik swasta, poliklinik, hospital dan rakan kongsi masyarakat untuk menjaga kesihatan dan keperluan sosial anda, agar anda kekal sihat dan hidup sejahtera.


Kluster Jagaan Kesihatan:
Membawa bersama rakan kesihatan dan masyarakat untuk penjagaan yang lebih bersepadu



PENDUDUK



Doktor Keluarga



Mempromosi gaya hidup sihat



Melangkah ke arah
Anda Yang Lebih Sihat



Sorotan

Terima jagaan khusus daripada klinik keluarga pilihan anda



Cegah atau urus penyakit kronik dan komplikasi



Cipta Pelan Kesihatan dengan doktor keluarga anda



Nikmati subsidi dan faedah jagaan kesihatan yang dipertingkatkan



Pendaftaran mulai Julai 2023

- Penduduk Singapura berumur ≥ 60 tahun akan dijemput secara berperingkat-peringkat melalui SMS untuk mendaftar
- Mereka yang berumur 40 hingga 59 tahun akan dijemput pada tarikh kemudian

Faedah utama daripada SG Yang Lebih Sihat

Terima bantuan untuk melangkah ke arah gaya hidup yang lebih sihat, mengesan masalah kesihatan lebih awal dan mengurus masalah kesihatan sedia ada dengan doktor keluarga yang mengenali anda dengan baik.

Mulai Julai 2023:

Cipta Pelan Kesihatan peribadi dengan doktor keluarga anda untuk mengamalkan gaya hidup sihat, menjalani pemeriksaan kesihatan secara tetap dan vaksinasi



Raih Healthpoints bernilai \$20 selepas konsultasi Pelan Kesihatan pertama anda



Dapatkan saringan dan vaksinasi yang disyorkan pada peringkat nasional yang disubsidkan sepenuhnya (untuk Warganegara Singapura)



Senarai penuh saringan:
<https://go.gov.sg/rec-screenings-list>



Senarai penuh vaksinasi:
<https://go.gov.sg/rec-vaccines-list>



Menjelang awal 2024:

Peringkat Kronik SG Yang Lebih Sihat: Para pesakit pemegang kad CHAS, Merdeka dan Generasi Perintis yang mempunyai keperluan ubat-ubatan yang tinggi boleh mendapat ubat-ubatan kronik dari klinik swasta berdaftar SG Yang Lebih Sihat pada harga yang setara dengan poliklinik



Gunakan MediSave tanpa bayaran bersama tunai untuk rawatan penyakit kronik



Tiga langkah mudah untuk memulakan Perjalanan SG Yang Lebih Sihat anda!

Langkah 1 Daftar

- Daftarkan diri apabila anda menerima jemputan SMS MOH
- Muat turun aplikasi HealthHub
- Pilih klinik berdaftar SG Yang Lebih Sihat pilihan anda



Langkah 2 Jumpa doktor anda

- Jadualkan konsultasi Pelan Kesihatan pertama anda yang disubsidkan sepenuhnya
- Cipta Pelan Kesihatan dengan doktor keluarga anda



Langkah 3 Sertai

- Ikuti Pelan Kesihatan peribadi anda
- Sertai aktiviti melalui aplikasi Healthy 365
- Jumpa doktor keluarga anda sekurang-kurangnya setahun sekali

